

Peti maklumat polis di semua sekolah menengah

Archival News | Utusan Malaysia | 05/08/2008

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Sebanyak 19 sekolah menengah di daerah Brickfields hari ini menerima peti maklumat dan gambar pegawai polis perhubungan yang akan ditempatkan di sekolah berkenaan.

Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) La Salle, SMK Vivikenanda, SMK Taman Desa, SMK Desa Perdana, SMK Sri Sentosa, SMK Seri Pantai, SMK Bangsar dan SMK Bukit Bandaraya.

Selain itu SMK Seri Hartamas, SMK Taman Tun Dr. Ismail, SMK Taman Yarl, SMK Dharma, SMK Bandar Baru Seri Petaling, SMK Petaling, SMK Seri Saujana, SM Kuen Cheng, SM Sri Bunga Raya, SM Darmesh dan SM Sri Cempaka.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid memberitahu, program dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan itu bertujuan memberi peluang kepada remaja membantu polis dalam mencegah dan membanteras jenayah.

"Polis memandang serius setiap maklumat yang diperolehi daripada pelajar-pelajar yang boleh menyumbang kepada pencegahan aktiviti jenayah.

"Seorang pegawai polis perhubungan akan ditempatkan khas di setiap sekolah bagi menyemak dan memantau setiap aduan yang diterima daripada pelajar-pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan gambar pegawai polis perhubungan sekolah dan peti maklumat polis kepada sekolah-sekolah menengah di SMK Seri Sentosa di sini hari ini.

(Source : Utusan Malaysia)